

## KARNIVAL FUTSAL MILO HIDUP BOLA 2018

### SYARAT DAN PERATURAN

1. Acara Karnival Futsal MILO Hidup Bola 2018 dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn Bhd dan . Acara ini terbuka kepada kanak lelaki bawah 12 tahun (lahir pada tahun 2006 dan selepas) dan bawah 16 tahun ( lahir pada tahun 2002 dan selepas). Pemain perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada ibubapa atau penjaga sah sebelum mengambil bahagian dalam acara ini.
2. Acara ini dijalankan 14 pusingan mengikut negeri bermula pada 14 Julai 2018 (sabtu) dan berakhir pada 28 Oktober 2018 (ahad). Sebanyak 32 pasukan bawah 12 dan bawah 16 tahun akan layak ke pusingan Grand Final mengikut kuota seperti dalam borang penyertaan. Pasukan yang layak ke Grand Final hanya dibenarkan menukar dua pemain sahaja.
3. Setiap pasukan hanya **DIBENARKAN** mendaftar 8 pemain sahaja. Sekiranya pasukan layak ke Grand Final, Pengurus pasukan **BOLEH** mendaftar untuk mengiringi pemain.
4. Semua 32 pasukan setiap kategori yang layak ke Grand Final akan menerima elaun pengangkutan, makan minum dan penginapan **KECUALI** pasukan yang layak bagi pusingan Kuala Lumpur dan Selangor hanya menerima elaun pengangkutan dan makan minum sahaja. Elaun perjalanan adalah mengikut kadar tambang bas ekspres Transnasional dan tambang kapal terbang bagi pasukan dari Sabah dan Sarawak.
5. **PENDAFTARAN ADALAH SECARA ATAS TALIAN “ONLINE” MELALUI LAMAN WEB <http://www.milo.com.my/?q=page/hidupbola2018> .YURAN PENDAFTARAN ADALAH SEBANYAK RM 80 (RINGGIT MALAYSIA LAPAN PULUH SAHAJA) DIBAYAR MELALUI ATAS TALIAN. PASTIKAN ANDA KEMUKAKAN SLIP PEMBAYARAN ONLINE BESERTA BORANG PENDAFTARAN PEMAIN KEPADA PENGANJUR SEWAKTU PENDAFTARAN PASUKAN PADA HARI PERTANDINGAN.**
6. Pendaftaran pasukan dibuka sepanjang Karnival Futsal MILO Hidup Bola 2017 berlangsung dan akan ditutup setelah kuota setiap negeri mencukupi seperti yang telah ditetapkan. Undian kumpulan akan dijalankan oleh pihak penganjur.
7. Semua pemain berdaftar akan menerima baju-T MILO dan akan diedarkan sebelum setiap pusingan bermula.
8. **PENTING- SEMUA PEMAIN DIWAJIBKAN MEMBAWA SALINAN SIJIL LAHIR ATAU MYKAD (BAGI KATEGORI BAWAH 12 TAHUN) MANAKALA SALINAN MY KAD BAGI KATEGORI BAWAH 16 TAHUN. SIJIL LAHIR ASAL DAN MY KAD ASAL MESTILAH DIBAWA DAN DI TUNJUKKAN KEPADA PIHAK PENGANJUR SEKIRANYA DIMINTA.**
9. **SEMUA PEMAIN DIWAJIBKAN MEMAKAI STOKING DAN PELINDUNG TULANG KERING “SHIN GUARD”. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN BOLEH MENYEBABKAN PASUKAN TIDAK DAPAT MENERUSKAN PERLAWANAN TERSEBUT.**
10. Sekiranya terdapat pasukan yang menurunkan pemain MELEBIHI USIA, pasukan tersebut akan **DISINGKIR** terus dari kejohanan ini walaupun layak ke Grand Final dan tidak akan diganti dengan pasukan lain.
11. Penyertaan adalah terhad mengikut konsep “Siapa Cepat Dia Dapat”. Semua peraturan adalah mengikut undang – undang permainan futsal FIFA. Pengarah kejohanan / Teknikal mempunyai **KUASA MUTLAK** mengumumkan keputusan berdasarkan peraturan dan undang – undang sedia ada di semua lokasi kejohanan.
12. Saingan awal perlawanan adalah mengikut format liga (3) pasukan (1) kumpulan. (2) pasukan teratas setiap kumpulan akan layak ke pusingan kedua, pusingan kedua akan dijalankan secara kalah singkir. Masa perlawanan adalah selama (5) minit setiap separuh masa. Sekiranya pasukan mempunyai mata yang sama, system perbezaan jaringan akan

digunapakai (jaringan tolak bolos), sekiranya masih sama, pasukan yang mempunyai kelebihan akan diistiharkan pemenang. Sekiranya masih sama tendangan penalty akan dijalankan untuk menentukan pemenang.

13. Pasukan yang LEWAT (5) minit masuk ke gelanggang akan dikira tewas dalam perlawanan tersebut dengan kiraan jaringan 3-0.
14. BANTAHAN mestilah menggunakan borng rasmi yang disediakan oleh pihak penganjur dengan bayaran deposit RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) tidak lewat dari 15 minit selepas perlawanan. Deposit TIDAK DIKEMBALIKAN samada bantahan diterima atau ditolak.
15. PENTING – Pasukan dari Semenanjung Malaysia TIDAK dibenarkan bertanding di negeri Sabah Dan Sarawak.
16. Penganjur berhak menggunakan budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana pasukan atau pemain yang didapati atau disyaki melakukan aktiviti penipuan dan penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pasukan atau pemain tersebut.

### **PIALA FA MILO HIDUP BOLA 2018**

1. Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir didalam Grand Final akan layak secara automatik untuk merebut Piala FA ini. Sebanyak 8 pasukan akan bertanding dimana pertandingan akan dijalankan secara kalah mati, dimana Juara dan Naib Juara Grand Final akan diletakkan berasingan manakala pasukan lain akan diundi untuk menentukan lawan masing-masing.
2. Bagi acara ini juga, hadiah akan disediakan berasingan daripada Grand Final (sila rujuk pecahan hadiah). Pasukan yang layak untuk menyertai PIALA FA ini akan disediakan penginapan untuk 1 (satu) malam, penginapan ini termasuk juga bagi pasukan yang layak di Kuala Lumpur dan Selangor.

### **TRIP OF EXCELLENCE**

3. Seramai 12 pemain terbaik bagi kategori bawah 16 tahun akan ditawarkan peluang untuk diberikan pendedahan dan intensif, mewakili pasukan MILO Malaysia. Program ini merupakan program tambahan yang mana peserta akan di tempatkan dilatih pusat dan seterusnya dibawa ke luar negara untuk latihan dan pertandingan. Segala kos adalah dibawah tanggungan pihak penganjur.

### **PELEPASAN DAN PEMBATALAN TANGGUNGAN**

1. Setiap pemain bersetuju untuk mematuhi dan mentaati segala peraturan dan undang-undang, dan juga bersetuju untuk mengikuti apa-apa arahan lisan atau arahan yang diberikan oleh pihak penganjur, kakitangan, wakil atau ejen-ejenjnya.
2. Pemain mengesahkan bahawa pemain sihat secara fizikal, bersedia atau dilatih untuk mengambil bahagian dalam acara ini dan tidak disyorkan untuk tidak mengambil bahagian oleh seorang profesional perubatan yang berkelayakan. Pemain tidak mempunyai sebab-sebab atau masalah yang berkaitan dengan kesihatan yang menghalang penyertaan peserta dalam acara ini.

3. Peserta bersetuju untuk membebaskan pihak penganjur dan pengelola dari mana-mana dan semua liabiliti, termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti yang timbul daripada kecuaiian atau kesalahan atau kesalahan daripada entiti atau orang yang dibebaskan, untuk kematian, kehilangan upaya, kecederaan, kerosakan barang peribadi, harta atau ahli keluarga, kecurian harta, atau tindakan mana-mana jenis yang mungkin berlaku kepada pemain termasuk perjalanan peserta ke dan dari acara ini.
4. Dengan penyertaan, pemain patut memahami bahawa acara ini melibatkan risiko kecederaan diri, dan bersetuju untuk bertanggungjawab atas kesihatan dan kesejahteraan sendiri semasa berkaitan acara ini. Pengurus pasukan/jurulatih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap peserta-peserta tersebut.

### Notis Privasi

1.	Dengan menyertai acara ini, anda telah bersetuju untuk Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”) dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami (“Pihak-Pihak Ketiga Lantikan”) (secara kolektif “Penganjur” atau “kami”) memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan atas talian bagi tujuan acara ini. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2.	Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.
3.	Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemrosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
4.	Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Polisi Privasi kami di <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a> .
5.	Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Polisi Privasi kami di <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a> .

6.	<p>Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami.</p> <p>Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungi: Pegawai Perlindungan Data Peribadi</li> <li>• Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.</li> </ul> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Borang Web : <a href="https://www.nestle.com.my/contactus">https://www.nestle.com.my/contactus</a></li> </ul> <p>Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hubungi kami : 1-800-88-3433</li> </ul>
7.	<p>Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam acara ini dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.</p>
8.	<p>Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Polisi Privasi kami di <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a>. Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Polisi Privasi kami dari semasa ke semasa.</p>
9.	<p>Kami mungkin memerlukan anda mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif anda (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal anda sekiranya anda memohon untuk menyertai dalam acara ini.</p> <p>Kami hanya akan menggunakan Maklumat Peribadi Sensitif anda bagi tujuan acara ini yang tertentu dan untuk menasihati anda mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup anda.</p> <p>Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan Maklumat Peribadi Sensitif anda atau membatalkan kebenaran anda kepada kami untuk memproses Maklumat Peribadi Sensitif anda. Bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan Maklumat Peribadi Sensitif ini atau pembatalan kebenaran anda untuk memproses Maklumat Peribadi Sensitif anda yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan kami tidak dapat memproses penyertaan anda dalam acara ini.</p>

## Privacy Notice

1.	<p>By participating in the event, you consent for Nestlé Products Sdn. Bhd. and any of its holding, subsidiary or related companies as defined in the Companies Act 2016 (“Nestlé Malaysia Group”) and service providers, agents and contractors who provide administrative and business support to us and act on our behalf (“Authorised Third Parties”) (collectively “Organiser”, “us”, “we” or “our”) to process your personal information provided in the entry form for purposes of the event. This includes disclosing your name to the general public when you become a winner in a contest or participate in our events by publishing your name, photographs and other personal information without compensation for advertising and publicity purposes.</p>
----	---

2.	The Organiser may also use your personal information for purposes of contacting and sending to you marketing and promotional information or materials about our products, services, any promotions, samples, events or contests organised by the Organiser. Please indicate your option on the form if you agree to the use of your personal information for this purpose.
3.	In the event that you agree to share and disclose personal information of a person whom you intend to refer to the Organiser, you acknowledge that you have obtained the consent of that person to share and disclose his/her personal information to us and to being contacted by us.
4.	In respect of minors or individuals not legally competent to give consent, you confirm that they have appointed you to act for them and to consent on their behalf to the processing of their personal information in accordance with this privacy notice.
5.	At times the Organiser may retain Authorised Third Parties to process your personal information. All such Authorised Third Parties are contractually bound to take reasonable measures to keep information secure and not to use your personal information in any way other than that which is specified here and in our privacy policy at <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a> .
6.	The Organiser is a global company and your personal information may be transferred across borders. The Organiser will ensure that the country your data is transferred to has a similar or equivalent personal information protection laws in place, as set out in our privacy policy at <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a> .
7.	To the extent that the applicable law allows, you have the right to request for access to, request for a copy of, request to update or correct, your personal information held by us.  All your written requests or queries should be addressed to: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Contact: Personal Data Protection Officer</li> <li>• Address: Nestlé Products Sdn. Bhd. 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.</li> </ul> Or <ul style="list-style-type: none"> <li>• Web Form : <a href="https://www.nestle.com.my/contactus">https://www.nestle.com.my/contactus</a></li> </ul> Or <ul style="list-style-type: none"> <li>• Call us : 1-800-88-3433</li> </ul>
8.	Please note the Organiser requires your personal information in order to process your participation in the [MILO HIDUP BOLA 2018], without which we will not be able to process your application.
9.	For a more detailed description of our privacy practices, please refer to our Privacy Policy at <a href="http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy">http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy</a> . We reserve the right to update and amend this privacy notice or our privacy policy from time to time.
10.	<b>TO INSERT IF SENSITIVE PERSONAL INFORMATION IS COLLECTED</b>

We may require you to provide your Sensitive Personal Information (such as data relating to your physical or mental health, including [to include specific type of Sensitive Personal Information collected in the campaign eg. cholesterol level, pregnancy declaration, race] if you apply to participate in the [MILO HIDUP BOLA 2018].

We will only use your Sensitive Personal Information for the purposes of the specific [MILO HIDUP BOLA 2018] and to advise you on suitable products to suit your current health status and lifestyle.

You have the choice, at any time, not to provide your Sensitive Personal Information or to revoke your consent to us processing of your Sensitive Personal Information. However, failure to provide such Sensitive Personal Information or revocation of your consent to process Sensitive Personal Information provided may result in us being unable to process your participation in the [MILO HIDUP BOLA 2018].